

**LAPORAN AKHIR KAJIAN TAHAP PATRIOTIK RAKYAT**

**MALAYSIA: KAJIAN DI LEMBAH KLANG**



**DISEDIAKAN OLEH:**

**PROF MADYA ABDULLAH @ KASSIM MOHAMAD (KETUA)**  
**PROF MADYA DR. MOKHTAR MUHAMMAD**  
**HALIZA BINTI HASAN**

**SEPTEMBER 2002**

20 September 2002

No. Fail Projek:

Ketua

Biro Penyelidikan dan Perundingan (BRC)

UiTM, Shah Alam


Prof,

**Laporan Akhir Kajian Tahap Patriotik Rakyat Malaysia: Kajian Di Lembah Klang**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk "Kajian Tahap Patriotik Rakyat Malaysia: Kajian Di Lembah Klang" untuk makluman tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROF MADYA ABDULLAH @ KASSIM MUHAMMAD**

Ketua

Projek Penyelidikan

**LAPORAN AKHIR TAHAP PATRIOTIK RAKYAT MALAYSIA:  
KAJIAN DI LEMBAH KLANG**


**DISEDIAKAN OLEH:**

**PROF MADYA ABDULLAH @ KASSIM MOHAMAD (KETUA)  
PROF MADYA DR. MOKHTAR MUHAMMAD  
HALIZA BINTI HASAN**

**SEPTEMBER 2002**

KUMPULAN PENYELIDIK

PROF MADYA ABDULLAH @ KASSIM MOHAMAD  
KETUA PROJEK



Tandatangan

PROF MADYA DR. MOKHTAR MUHAMMAD  
Ahli



Tandatangan

HALIZA HASAN  
Ahli



Tandatangan

## ABSTRAK

Semangat patriotisme amat penting untuk membangunkan negara supaya menjadi sebuah negara yang dihormati di dunia. Konsep dunia tanpa sempadan yang diperkenalkan pada alaf baru ini boleh menghakis identiti bangsa dan negara ini. Di samping itu, ada usaha supaya kita lupakan bangsa dan budaya dan sudah ada rakyat Malaysia yang menerima mereka adalah warganegara dunia. Ini sebagai bukti semangat kasih dan cinta pada negara sudah terhakis. Jika semangat patriotisme tidak dipupuk di kalangan generasi muda, negara tidak akan dapat dipertahankan dari serangan budaya luar. Persekutuan Tanah Melayu yang telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 adalah sebuah negara demokrasi yang mengamalkan pemerintahan berdasarkan Raja Berperlembagaan. Pada tahun 1963, perlembagaan ini ditukar kepada Perlembagaan Malaysia yang kini dijadikan panduan asas dalam menentukan sistem pemerintahan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya. Dasar-dasar tersebut terus menjadi akar umbi kepada pembentukan negara Malaysia sehingga kegemilangan sambutan Hari Kebangsaan yang ke-43 disambut dengan meriahnya pada tanggal 31 Ogos 2000 yang pertama di alaf baru ini. Anjakan paradigma dan juga cabaran merentasi pelbagai budaya dengan pintu masuk yang luas mempraktikkan globalisasi menyaksikan generasi muda ramai terpengaruh dengan budaya barat yang tidak sihat. Kegoncangan ini meliputi tatacara kehidupan sehari-hari dari segi fizikal dan juga mental yang kurang bahkan hampir terhapus kepada budaya bangsa kita sendiri. Ini menandakan bahawa kita ketandusan semangat patriotisme di kalangan jiwa generasi muda yang bakal menerajui kepimpinan tanah air. Paling membimbangkan apabila ilusi budaya ini turut menular di kalangan generasi muda yang menuntut di institusi pengajian tinggi sedangkan merekalah sasaran utama yang diharapkan dapat membawa haluan remaja luar kampus yang leka terhadap perjuangan bangsa terdahulu kembali kepada nilai sanjungan bangsa yang sebenar. Tidak ada cara yang lebih berkesan untuk menangani daripada segala ancaman yang datang termasuk melalui teknologi maklumat (IT) melainkan dengan memupuk semangat patriotisme. Melalui semangat patriotisme dan membangunkan budaya, rakyat dapat memperkuat dan memperkuuhkan benteng moral yang mulia. Patriotisme adalah senjata mental yang cukup kuat untuk mempertahankan negara daripada sebarang bentuk penjajahan baru atau dalam apa juga bentuk.